

Baca pengumuman di bawah ini dan jawab soalan-soalan berikut.



LAWATAN SAMBIL BELAJAR

Sekolah Menengah Tanjung Putri berancang untuk mengadakan lawatan sambil belajar ke London, United Kingdom pada bulan Jun 2004. Selain daripada melancong ke negara asing, kita akan berpeluang untuk mengenali budaya dan tradisinya. Beberapa program telah diaturkan untuk melawat tempat-tempat bersejarah dan menarik yang akan menambahkan pengetahuan kita sambil kita menikmati negara orang. Lawatan ini akan berlangsung selama seminggu. Tempat penginapan akan diaturkan dengan kerjasama Jabatan Penuntut Malaysia di London. Berikut ialah beberapa tempat yang dicadangkan:

- 1 Lawatan ke parlimen British di mana ahli-ahli politik British berkumpul untuk membincangkan dan membahaskan isu-isu penting negara. Kita akan berpeluang untuk menghadiri satu sidang perbahasan.
- 2 Lawatan ke Muzium Victoria & Albert, di mana tersimpan barang-barang lama yang ada kaitan dengan mata pelajaran sejarah bagi pelajar-pelajar Tingkatan 5.
- 3 Melawat sebuah sekolah menengah di kota London di mana terdapat penuntut berbilang bangsa.
- 4 Lawatan sehari ke Stratford-upon-Avon – tempat lahir William Shakespeare. Ini akan merupakan lawatan menarik bagi mereka yang belajar sastera.

Kos lawatan ini dianggarkan sebanyak RM5000 dan ini termasuklah tambang, tempat tinggal, makan dan kenderaan. Bayaran boleh dibuat secara beransuran setiap bulan. Sesiapa yang berminat hendaklah membayar wang pendahuluan sebanyak RM200 sebelum 4 Oktober 2003

3.1 Pemahaman 1

1. Apakah yang dirancang oleh Sekolah Menengah Tanjung Putri?

_____ (1)

2. Apakah faedah lawatan ini?



_____ (1)

3. Siakah yang akan menguruskan tempat penginapan?

_____ (1)

4. Apakah yang akan dapat dilihat di parlimen?

_____ (1)

5. Pelajar Tingkatan berapakah yang akan mendapat manfaat daripada lawatan ke Muzium Victoria & Albert?

_____ (1)

6. Apakah yang akan mereka lihat di sana?

_____ (1)

7. Pelajar bangsa apakah yang belajar di sekolah yang mereka akan lawati?

(1)